

'Bantuan khas kurangkan beban kami'

» Pengumuman PM bantu kakitangan awam hadapi persiapan Ramadan, Aidilfitri

Putrajaya

Penjawat awam menyambut baik pengumuman bantuan khas kewangan dan kadar baharu ITP yang mereka anggap mereka sebagai melegakan.

Pembantu Tadbir di Kementerian Kesihatan, Nor Adilah Yahaya, 29, berkata bantuan khas kewangan mampu mengurangkan beban penjawat awam terutama untuk menyambut Ramadan dan Aidilfitri.

"Terima kasih atas keprihatinan kerajaan dan bantuan ini pasti akan digunakan sebaiknya bagi menyediakan keperluan Aidilfitri," katanya.

Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam, Jevartnam Baby, 33, berkata pemberian bantuan khas itu adalah salah satu bentuk budi bicara kerajaan untuk menghargai penjawat awam.

"Bantuan berkenaan tidak terlalu besar dan tidak terlalu



Sebahagian kakitangan awam melafazkan Ikrar Penjawat Awam pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. (FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH)

kecil, tetapi memadai untuk menampung perbelanjaan dan meningkatkan produktiviti," katanya.

Pengerusi Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia yang juga Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Aseh Che Mat, bersyukur dengan pemberian bantuan khas

kepada pesara yang jelas menunjukkan kerajaan tidak mengingkarkan kebajikan mereka yang pernah berkhidmat kepada kerajaan.

Terus sokong kerajaan

"Saya menyeru semua pesara terus memberikan sokongan kepa-

da kerajaan yang berusaha keras mencapai wawasan menjadi negara maju," katanya.

Kakitangan Kementerian Kesihatan, Yuzafi Yunus, 38, berkata pengumuman kadar baharu ITP diharap dapat mengembalikan keyakinan rakyat terutama penjawat awam kepa-

da kepimpinan kerajaan.

"Kadar imbuhan berkenaan sudah lama diguna pakai dan sudah tiba masanya ia dinaikkan bagi disesuaikan dengan perkembangan ekonomi semasa. Langkah kerajaan menaikkan imbuhan ini amat dinantikan penjawat awam," katanya.